



**LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**  
FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY OF MALAYSIA  
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti  
47120 PUCHONG  
MALAYSIA



**LKIM**

Tel: 603-8064 9000  
Faks (fax) : 603-8060 3726  
Laman Web(web) : <http://lkim.gov.my>

Ruj. Kami : LKIM:M406/205/4 Jld 4 (56)  
Tarikh : 22 Julai 2020

*Seperti di Lampiran*

Tuan / Puan,

**PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN MENGOPERASIKAN TAPAK  
AKUAKULTUR LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM), LOT 7 TAMAN  
AKUAKULTUR BADONG, PEKAN, PAHANG**

- *Request for Proposal*

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan kepada pihak tuan/puan bahawa LKIM berhasrat melaksanakan tawaran terbuka kepada pemain industri akuakultur yang berpengalaman bagi mengoperasikan tapak akuakultur di Lot 7, Taman Akuakultur Badong, Pekan, Pahang. Sehubungan itu, LKIM memanjangkan dan mewar-warkan tawaran ini kepada pihak pemain industri / syarikat swasta / orang-perseorangan yang berminat.

3. Maklumat berhubung pelawaan mengemukakan cadangan ini disertakan seperti di Lampiran 1. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung dengan Puan Rosmawati Binti Hj Maludin di talian 03-80649058 atau emel [rosmawati@lkim.gov.my](mailto:rosmawati@lkim.gov.my). Atas kerjasama yang diberikan pihak tuan/puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHAMAD RIZAL BIN SAHARI)**

Timbalan Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pelesenan  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)  
b.p Ketua Pengarah LKIM

## LAMPIRAN 1

### PERKARA : PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN MENGOPERASIKAN TAPAK AKUAKULTUR LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM), LOT 7 TAMAN AKUAKULTUR BADONG, PEKAN, PAHANG

- 1) LKIM mempunyai tapak akuakultur premis Lot 7, Taman Akuakultur LKIM Badong, Pekan, Pahang. Terdiri dari Sistem Ternakan Dalam Tangki yang boleh dibangunkan dan dioperasikan bagi tujuan pengeluaran ikan secara komersil.
- 2) Pengusaha/Operator dari kalangan syarikat swasta dipelawa untuk mengoperasikan unit-unit ternakan melalui kaedah sewa berkonsepkan *as is where is basis*.
- 3) Taklimat berhubung unit ternakan akan diberikan semasa Lawatan Tapak. Pengusaha/Operator yang berminat dipelawa menyertai Lawatan Tapak pada masa dan tempat ditetapkan seperti berikut:

Bil	Projek	Lokasi	Tarikh Lawat Tapak / Taklimat
1.	Taman Akuakultur LKIM Badong, Pekan Pahang	Koordinat lokasi: 2°58'04.2"N 103°25'26.4"E  Tapak Lot 7 HSD 5322 PT 6656 Kg. Badong, Mukim Bebar, Daerah Pekan, 26600 Pahang	Tarikh : 12 Ogos 2020 (Rabu)  Masa : 10.00 pagi

- 4) Kertas cadangan yang lengkap hendaklah dihantar kepada Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pelesenan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Aras G, Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti, 47120 Puchong, Selangor.
- 5) Tarikh tutup pelawaan adalah pada 26 Ogos 2020 (Rabu).